

# ORI, UPM kukuh usahasama penyelidikan

SERDANG 2 Jun – Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Institut Penyelidikan Lautan (ORI), Universiti Tokyo di Jepun menandatangani memorandum persefahaman (MoU) baru-baru ini yang bakal menyaksikan kedua-dua institusi itu bergandingan menjalankan penyelidikan.

Persefahaman itu juga akan melibatkan pertukaran penyelidik dalam bidang kimia, fizik dan biologi, selain menganjurkan sesi syarahan, simposium serta pertukaran maklumat akademik untuk tempoh selama lima tahun.

MoU itu ditandatangani oleh Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dan Penyelidik ORI, Prof. Dr. Nobuyuki Miyazaki.

Dekan Fakulti Sains UPM, Prof. Dr. Sidek Ab. Aziz berkata, MoU tersebut mengukuhkan MoU yang telah dibuat terlebih dahulu antara kedua-dua institusi sejak 10 tahun lalu melalui projek kerjasama yang diketuai oleh Prof. Dr. Ahmad Ismail dari Jabatan Biologi dengan saintis daripada pelbagai organisasi di Jepun.

Katanya, terdapat dua orang tutor daripada UPM iaitu bekas pelajar Jabatan Biologi sedang menjalankan penyelidikan ijazah doktor falsafah (PhD) di universiti tersebut.

“Walaupun penyelidikan bersama diketuai oleh Prof. Dr. Ahmad Ismail akan diteruskan, penyelidik dari Jabatan Fizik dan Kimia dipelawa untuk bekerjasama dengan saintis di Universiti Tokyo itu,” katanya di sini.

Universiti Tokyo merupakan sebuah universiti penyelidikan terulung di Asia yang ditubuhkan pada tahun 1877 dan mempunyai 30,000 pelajar yang seimbang jumlahnya antara pelajar prasiswazah dan siswazah.

ORI pula ialah sebuah institut penyelidikan kebangsaan yang ditubuhkan pada tahun 1962 di bawah universiti tersebut.

Penyelidikan di pusat tersebut tidak hanya terhad kepada perairan Jepun tetapi juga perairan antarabangsa dengan kerjasama negara luar dan organisasi antarabangsa.

u/m  
3/5/09